03
ISSN: 1985-45 | 02/2016 | JULAI-SEPTEMBER 2016

# BINA

Kementerian Kerja Raya Malaysia




# JELAJAH FTROADPEDIA KEMENTERIAN KERJA RAYA 2016

## Menarik di dalam

Jelajah Ftroadpedia Zon Tengah Kementerian Kerja Raya 2016 (M/S3)

Lokasi Menarik Jelajah Ftroadpedia Zon Tengah KKR 2016 (M/S 5)

www.kkr.gov.my

9 781565 924796

# KANDUNGAN

















**BERITA**

**3** Jelajah Ftroadpedia Zon Tengah Kementerian Kerja Raya 2016

**4** Projek Naik Taraf Jalan Persekutuan Ft 05 FTRoadpedia Zon Tengah

**INFOGRAFIK**

**5** Lokasi Menarik Jelajah Ftroadpedia Zon Tengah KKR 2016

**FOKUS**

**6** Pameran Jelajah Ftroadpedia Zon Tengah KKR

**8** Karnival F Troadpedia Zon Tengah KKR 2016

**10** Jelajah Ftroadpedia Kementerian Kerja Raya Selangor- Perak

**LENSA**

**12** Program, Majlis KKR

**SOSIAL MEDIA**

**18** Laporan

**AKHBAR**

**19** Keratan Akhbar



Barisan Tetamu Kehormat menyanyikan Lagu Negaraku



YB Menteri Kerja Raya dan YAB Menteri Besar Perak sewaktu majlis Perasmian Jelajah



Para Kenamaan meneliti laluan Jelajah FTRoadpedia Zon Tengah

# JELAJAH FTROADPEDIA ZON TENGAH

# KEMENTERIAN KERJA RAYA 2016

MANJUNG, 6 OGOS 2016 - Program yang julung kali diadakan ini bertujuan untuk menyerlah dan menyebarluas peranan sedia ada Jalan Persekutuan serta mengurus persepsi rakyat dengan memberikan perspektif positif (refreshing outlook) terhadap Jalan Persekutuan sebagai jalan utama dan bukannya jalan alternatif.

Acara jelajah yang bermula dari Sekinchan, Selangor hingga ke Lekir, Manjung, Perak sejauh 191 kilometer ini disertai YB Dato' Sri Hj. Fadillah Yusof, Menteri Kerja Raya, Pengurusan Tertinggi Kementerian Kerja Raya, orang awam iaitu dikalangan Rakan KKR dan pihak media

Konsep jelajah ini memberi peluang kepada peserta jelajah untuk melihat sendiri kualiti Jalan Persekutuan FT 54 dan FT 05 selain meninjau lokasi menarik yang terdapat di sepanjang jelajah termasuklah kawasan tarikan pelancong, lokasi makanan tempatan yang unik dan eksotik, penginapan, kawasan bersejarah dan rumah ibadat bertepatan dengan slogan program iaitu 'Cipta Detik Indah Bersama'.

Peserta Jelajah FTRoadpedia turut dibawa melawat dan diberikan taklimat mengenai kerja-kerja Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT 05 Tanjung Karang, Selangor -Hutan Melintang dan Teluk Intan-Kg. Lekir, Perak yang merupakan usaha Kerajaan dalam meningkatkan kualiti pemanduan pengguna Jalan Persekutuan.

Perasmian Jelajah ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hj. Fadillah Yusof, Menteri Kerja Raya bersama-sama YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Besar Perak di Dewan Komuniti Bestari, Batu 10, Lekir, Manjung, Perak.

# PROJEK NAIK TARAF

## JALAN PERSEKUTUAN FT 05
## FTROADPEDIA ZON TENGAH







| Projek | Panjang (km) | Kos (Juta) | Tempoh |
|---|---|---|---|
| Tanjong Karang ke Sabak Bernam | 45 | RM709 | 48 Bulan (21/3/2016-20/3/2020) |

Skop Projek:

- Pembinaan pusingan-U, jejantas pejalan kaki beserta motosikal di lokasi berdekatan dengan masjid atau sekolah dan pembinaan persimpangan bertingkat di beberapa persimpangan seperti di Persimpangan Pekan Sg.Besar.

| Projek | Panjang (km) | Kos (Juta) | Tempoh |
|---|---|---|---|
| Sabak Bernam ke Hutan Melintang | 5 | RM164.2 | 24 Bulan (27/7/2015-26/7/2017) |

Skop Projek:

- Membina semula Jambatan Gertak Tinggi serta menaik taraf jalan mengikut piawaian JKR R5 sepanjang 5km.

| Projek | Panjang (km) | Kos (Juta) | Tempoh |
|---|---|---|---|
| Teluk Intan ke Kg. Lekir | 31.5 | RM655.6 | 48 Bulan (15/9/2016-14/9/2019) |

Skop Projek:

1. Menaiktaraf 4 jambatan: Jambatan Sg.Dedap, Jambatan Sg. Renggam, Jambatan Sg. Kayan dan Jambatan Parit Hindu.

2. Pembinaan 4 persimpangan bertingkat: Persimpangan FT5/A18, Persimpangan Kg. Kayan, Persimpangan Kg. Dedap dan Persimpangan Kg. Rubana.

3. Pembinaan 7 persimpangan U-turn & 6 jejantas pejalan kaki.




# LOKASI MENARIK JELAJAH

## FTROADPEDIA ZON TENGAH KKR 2016



*Para Petugas Pameran KKR*



*Booth Pameran JKR*

# PAMERAN JELAJAH FTROADPEDIA

## ZON TENGAH KKR

Pameran turut diadakan bertujuan memberi informasi berkenaan Jalan Persekutuan serta mendedahkan kepada masyarakat mengenai fungsi Kementerian Kerja Raya Malaysia dan agensi-agensi di bawahnya seperti Jabatan Kerja Raya Malaysia, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan CIDB.

### BOOTH PAMERAN KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

Kementerian Kerja Raya Malaysia telah mengetengahkan tiga (3) elemen utama iaitu:

1. Mobile Apps Aduan Jalan Raya KKR – Aplikasi telefon pintar sebagai saluran aduan yang mudah dan pantas.

2. Media Sosial KKR – Promosi Akaun rasmi media sosial KKR iaitu Facebook (@KementerianKerjaRaya), Twitter (@MOWorks) dan Instagram (kkr_malaysia) kepada pengunjung pameran. Media sosial merupakan saluran popular masa kini dalam menyalurkan informasi kepada orang ramai.

3. Rakan KKR – Pelawaan menyertai Rakan KKR iaitu sukarelawan yang aktif menghebahkan informasi KKR dan agensinya serta menyalurkan aduan.



Booth Pameran Touch n Go




Kaunter Informasi KKR



Booth Pameran LLM



Pameran Kelengkapan Keselamatan Tapak JKR




Booth Pameran CIDB

## BOOTH PAMERAN JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

Jabatan Kerja Raya Malaysia mempromosikan Kempen #Zeropothole sewaktu pameran di Karnival FTRoadpedia serta saluran aduan jalan JKR. Turut diadakan sudut informasi jalan dan sesi bergambar bersama kit kerja JKR

## BOOTH PAMERAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah mempromosikan fungsi LLM, iaitu menyelia dan melaksanakan rekabentuk, pembinaan, pengawalan, pengendalian dan penyelenggaraan lebuh raya- lebuh raya, mengenakan dan mengutip tol, membuat kontrak dan membuat peruntukan berkaitan dengan lebuhraya di negara kita. Turut dipamerkan adalah saluran aduan LLM dan produk Touch 'N Go.

## BOOTH PAMERAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) turut mempamerkan fungsinya berkaitan dengan industri pembinaan serta peluang menceburkan diri sebagai tenaga mahir binaan di Akademi Binaan Malaysia (ABM), sebuah institut latihan di bawah CIDB.

### KUIZ FTROADPEDIA

Para pengunjung karnival FTRoadpedia turut diberikan peluang untuk menyertai Kuiz FTRoadpedia. Soalan-soalan kuiz adalah berkisar dengan topik jalan persekutuan. Pengunjung yang berjaya menjawab soalan-soalan kuiz tersebut telah menerima hadiah-hadiah menarik yang disediakan.

### TAKLIMAT KENALI JALAN PERSEKUTUAN

Bersesuaian dengan objektif program, satu taklimat bertajuk "Kenali Jalan Persekutuan" turut disampaikan oleh Ir Samsudin Sabri daripada Cawangan Fasiliti Selenggara Jalan, Jabatan Kerja Raya Malaysia. Menerusi taklimat ini, pengunjung didedahkan dengan pelbagai informasi berkaitan jalan persekutuan seperti jaringan jalan persekutuan, dan perbezaan papan tanda laluan jalan persekutuan, jalan negeri dan lebuhraya dan pelbagai maklumat lain berkenaan jalan persekutuan.

### PERTANDINGAN MEWARNA

Pertandingan mewarna turut diadakan sewaktu Karnival FTRoadpedia Zon Tengah ini. Pertandingan ini terbahagi



*Pameran agensi Kerajaan dan Swasta sepanjang karnival*

# KARNIVAL ZON TENGAH



*Antara pemenang Pertandingan Mewarna menerima hadiah di akhir pertandingan*




*Taklimat Kenali Jalan Persekutuan oleh Ir Samsudin Sabri daripada JKR*

kepada tiga kategori. Kategori pertama kanak-kanak berumur 5 - 6, kategori kedua bagi kanak-kanak berumur 7 - 9 dan kategori ketiga untuk kanak-kanak berumur 10 -12 tahun.

## GERAI JUALAN

Acara di Dewan Komuniti Bestari, Lekir ini turut dimeriahkan dengan aktiviti gerai jualan yang menyajikan pelbagai jualan makanan, minuman, pakaian dan banyak lagi untuk para pengunjung yang hadir ke karnival ini.

## PERSEMBAHAN NYANYIAN

Pengunjung yang hadir ke Karnival FTRoadpedia turut dihiburkan dengan persembahan daripada Manjung Buskers dan juga persempahan daripada Tuah Mentor sewaktu slot selingan.

## PASUKAN KONVOI MOTOSIKAL BERKUASA TINGGI

Pasukan konvoi motosikal berkuasa tinggi VOG Bikers turut sama berada di tapak karnival. Pasukan ini turut mengiringi ketibaan pasukan jelajah yang menaiki bas diketuai oleh Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Fadillah Yusof.

# FTROADPEDIA KKR 2016



*Pemenang acara kuiz Karnival*



*Pasukan konvoi motosikal berkuasa tinggi VOG Bikers mengiringi Bas Jelajah*



*Persembahan Tuah Mentor sewaktu acara selingan*

# JELAJAH FTROADPEDIA KEMENTERIAN KERJA RAYA SELANGOR-PERAK (FT54 - FT 05)

## 6 OGOS 2016



*3 Majlis pelepasan*

*1 Pasukan FTRoadpedia bersedia memulakan jelajah*

*5 Bilik taklimat projek Naiktaraf FT05 - Lebuhraya WCE*

**8.00 pagi**
Pasukan Jelajah memulakan perjalanan sejauh 94.1 km menuju Padi Box, Sekinchan, Selangor melalui LATAR dan Jalan Kuala Selangor FT54

**10.00 pagi**
Bertolak ke Pejabat Tapak Projek Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT005 (Teluk Intan - Kg. Lekir), di Sarang Tiong, Teluk Intan, Perak sejauh 74.3 km

01

03

02

**9.30 pagi**
Pelepasan (Flagg off) Rasmi Jelajah oleh YB Dato' Sri Fadillah Yusof, Menteri Kerja Raya di Padi Box, Sekinchan, Selangor.

## SELANGOR





*8 Pasukan Jelajah tiba di Dewan Komuniti Bestari Lekir, Perak*



*3a Sesi bergambar bersama pasukan konvoi motorsikal berkuasa tinggi yang turut serta jelajah*

# PERAK

## 04

**11.30 pagi**
Taklimat Projek Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT005 (Teluk Intan - Kg. Lekir), Sarang Tiong, Teluk Intan, Perak di Tapak Projek

## 05

**2.15 petang**
Tiba di tapak Majlis Pelancaran di Dewan Komuniti Bestari, Batu 10, Lekir, Manjung, Perak

## 06

**2.35 petang**
Majlis Perasmian Pelancaran Jelajah FTRoadpedia KKR oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya dan YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Besar Perak.

## 01







01 **Tajuk : Pelancaran Coffee Break Sempena Aidilfitri 2016**
**Tarikh : 1 Julai 2016**

a) Gimik pelancaran majlis disempurnakan oleh YB Menteri disampaikan oleh YB Menteri
b) Ucaptama pelancaran majlis oleh YB Menteri Kerja Raya Dato' Sri Hj Fadillah Hj Yusof

## 02




02 **Tajuk : Rumah Terbuka Aidilfitri KKR 2016**
**Tarikh : 1 Mac 2016**

a) Ketibaan YB Menteri disambut meriah oleh para tetamu jemputan
b) Tidak ketinggalan, YB Menteri dan juga isteri membuat kunjungan ke taska asuhan kanak-kanak KKR untuk menyampaikan sumbangan




## 03







03 **Tajuk : Kempen Advokasi Keselamatan Lebuhraya**
**Tarikh : 30 Jun 2016**

a) Talk On Road Safety juga telah disampaikan oleh penceramah jemputan En. Kamal Effendi
b) Acara pelepasan konvoi keselamatan menadakan kempen bermula sempena musim perayaan

## 04

**Tajuk** : **Seminar Kejuruteraan Cerun dan Pengurusan Tanah Runtuh gabungan Jepun - Malaysia**
**Tarikh** : **1 Ogos2016**

a) ) Barisan tetamu kehormat delegasi dari negara Jepun dan Malaysia
b) Pameran oleh syarikat perkhidmatan teknologi cerun







## 05







**Tajuk** : **Malam Anugerah Lembaga Juruukur Bahan Malaysia**
**Tarikh** : **24 Ogos 2016**

a) Bersama penerima anugerah LJBM
b) Gambar bersama ahli lembaga

## 06

**Tajuk** : **Pemeriksaan Lorong Motorsikal Lebuhraya Persekutuan**
**Tarikh** : **29 Ogos 2016**

a) Memeriksa setiap risiko pengguna laluan lorong motorsikal
b) Pagar keselamatan yang perlu dibaiki
c) Mendengar taklimat berhubung sistem perparitan bersebelahan lorong









## 07


a


b

07

**Tajuk : Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen KKR dan Meraikan Johan Sukan Antara Bahagian**

**Tarikh : 4 Ogos 2016**

a) Dato Embok Masek, SUB BPP selaku Ketua Pasukan Grader yang menjadi johan kejohanan

b) Kontinjen KKR yang akan bertanding di Sukan Kerja Raya 2016

## 08



a



b

08

**Tajuk : Anugerah Kecemerlangan Industri Binaan Malaysia 2016**

**Tarikh : 23 September 2016**

a) Penyampaian anugerah utama yang disempurnakan oleh YBM Kerja Raya

b) YBM bergambar bersama para penerima anugerah MCIEA

## 09


a


b



b

09

**Tajuk : Pertandingan Kemahiran Asia Worldskill (ASC 2016)**

**Tarikh : 26 September 2016**

a) Majoriti pengunjung ASC merupakan pelajar sekolah vokasional dan juga institut kemahiran

b) Salah seorang wakil peserta Malaysia yang menyertai ASC bagi acara Electrical Installation

c) Satu-satunya penyertaan bagi acara Painting & Decoration

## 10

**10 Tajuk : Majlis Graduasi Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan MoU CITP pemain industri binaan negeri Sabah**

**Tarikh : 5 September 2016**

a) Bersama penerima graduan terbaik dalam jurusan masing-masing

b) Sesi menandatangani CITP disaksikan oleh Ketua Menteri Sabah dan Menteri Kerja Raya


a


b

## 11


a


b

**11 Tajuk : Konferen Antarabangsa Pembinaan Berdaya Tahan dan Lestari**

**Tarikh : 6 September 2016**

a) Bersama peserta persidangan dari dalam dan luar negara

b) Gimik perasmian oleh YB Menteri Kerja Raya

## 12

**12 Tajuk : Bengkel MATRA Arkitek Siswazah USM ke- 28**

**Tarikh : 18 Ogos 2016**

a) Gimik perasmian disempurnakan oleh YB Menteri kerja Raya

b) Lawatan ke galeri seni USM

c) Wakil pelajar senibina IPT yang terlibat


a


b


c

## 13

13

**Tajuk : Taklimat Pengalihan dan Pemasangan Utiliti dalam Projek Kerajaan**
**Tarikh : 15 Julai 2016**

a) Panel yang terlibat juga merupakan pengurusan tertinggi KKR
b) Sesi soal jawab


a


b

## 14


a


b

14

**Tajuk : Temubual slot Selamat Pagi Malaysia TV1 RTM berhubung Karnival dan Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK)**
**Tarikh : 22september2016s**

a) Datuk Sarani Dollah, TKSU P KKR menjadi tetamu mempromosikan KEKK
b) Slot ini disiarkan secara langsung di TV1

## 15

15

**Tajuk : Kayuhan Sihat Lebuhraya LATAR**
**Tarikh : 25 September 2016**

a) Acara penyampaian hadiah dan sijil kepada para pesertal
b) YBM turut berbasikal bersama tetamu kehormat
c) Penyempurnaan majlis pelepasan oleh YBM


a


c


b

## Perasmian Sukan Kerja Raya 2016



Lintas hormat dimulakan oleh kontijen KKR


Sokongan terhadap Kontijen KKR

## Penutup dan Penyampaian Hadiah



Ucapan penutup oleh YBM Kerja Raya


Pasukan PLUS dinobatkan Juara keseluruhan Sukan Kerja Raya 2016

## Pasukan KKR yang bertanding


Badminton


Basikal


Bola Jaring


Olahragawan


Bola Sepak


Bola Tampar


Bowling Padang


Catur


Futsal Lelaki


Dart


Futsal Wanita


Ping Pong


Kontinjen


Takraw

## FACEBOOK

Bermula 1 Julai 2016, pengikut (likers) di FB Kementerian Kerja Raya Malaysia adalah seramai 17,855

Pada 30 September 2016, pengikut (likers) di FB Kementerian Kerja Raya Malaysia adalah seramai 19,148







Kenaikan pengikut (likers) di FB Kementerian Kerja Raya Malaysia dalam tempoh 3 bulan adalah seramai 1,293.

## TWITTER

Julai 2016 terdapat seramai 281 followers baru di Twitter @MOWorks. Sebanyak 368 tweets telah dibuat.




Ogos 2016 terdapat seramai 180 followers baru di Twitter @MOWorks. Sebanyak 405 tweets telah dibuat.

September 2016 terdapat seramai 178 followers baru di Twitter @MOWorks. Sebanyak 227 tweets telah dibuat.






# KERATAN AKHBAR

## Construction sector still paramount, says Works Ministry

Surat Khabar : The MAlay Mail
Tarikh : 22 Julai 2016

## RM644.4 juta naik taraf jalan persekutuan di Perak



Kerja-kerja menaik taraf jalan sejauh 31.5 kilometer itu membabitkan tiga daerah iaitu Hilir Perak, Perak Tengah dan Seri Manjung.

FADILLAH YUSOF
Menteri Kerja Raya

info
NAIK TARAF JALAN PERSEKUTUAN

Surat Khabar : Utusan Malaysia
Tarikh : 07 Ogos 2016

## Lebuh Raya Banting-Taiping siap 2019

Oleh FAZRINA AYU RABUIAN

KLANG 9 OGOS

PROJEK infrastruktur mega, Lebuh Raya Pesisiran Pantai Barat sepanjang 233 kilometer (km) dari Banting ke Taiping akan siap 2019 ...

"Syarikat berpuas hati dengan perkembangan baik pembinaan lebuh raya ini dan apabila pakej-pakej secara berperingkat siap sepenuhnya, kita akan mula buka untuk kutipan tol."

NEOH SOON HONG
Pengarah Urusan West Coast Expressway Sdn. Bhd.

Surat Khabar : Utusan Malaysia
Tarikh : 10 Ogos 2016

um 19/8/2016 m/s 9.

## Arkitek, pereka bentuk perlu hasil rekaan baharu - Fadillah



FADILLAH YUSOF

GEORGETOWN 18 Ogos - Arkitek dan pereka bentuk di negara ini perlu menghasilkan rekaan baharu yang memberikan keberkesanan kos, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Beliau berkata, kementerian pada waktu ini memberi tumpuan terhadap perkara tersebut dan berharap arkitek dan pereka bentuk mengambil langkah proaktif bagi mencapai wawasan negara untuk menjadi negara maju.

"Saya mahu mereka sebagai arkitek dan pereka bentuk mencipta rekaan baharu yang bukan sahaja mapan tetapi mempunyai keberkesanan kos, jadi kita boleh membina lebih banyak sekolah, lebih banyak bangunan dengan sumber yang terhad.

"Kita perlu lebih banyak rumah mampu milik, jadi kita sepatutnya melihat rekaan bagi menghasilkan lebih banyak rumah yang mampu dimiliki semua rakyat Malaysia terutamanya golongan muda," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri pembukaan Bengkel Pelajar Seni Bina 2016 (Matra 2016).

Turut hadir Naib Canselor USM, Prof. Datuk Dr. Omar Osman.

Fadillah berkata, kementerian itu merancang menggunakan Maklumat Permodelan Bangunan (BIM) dan Sistem Binaan Berindustri (IBS) untuk mendorong dan membimbing arkitek dan pereka bentuk menghasilkan lebih banyak rekaan baharu yang kos efektif.

Terdahulu, dalam ucapan perasmiannya Fadillah berkata, kementerian itu amat prihatin terhadap peranan pelbagai pihak yang terlibat dengan industri pembinaan.

Beliau berkata, setiap pihak bertanggungjawab menghasilkan pembangunan lestari perlu turut peka terhadap alam sekitar, warisan, sosial dan faktor budaya.

Fadillah berkata, Matra 2016 adalah antara platform terbaik bagi pelajar jurusan seni bina untuk bersaing mengetengahkan idea kreatif dan inovatif yang berlainan daripada kebiasaan selain menjadi medium terbaik untuk mewujudkan kerjasama antara universiti dan industri. - BERNAMA

Surat Khabar : Utusan Malaysia
Tarikh : 19 Ogos 2016

## RAM: Big projects will drive Sarawak growth



Surat Khabar : Star
Tarikh : 25 Ogos 2016



## FTRoadpedia sebar luas peranan jalan persekutuan

Surat Khabar : Utusan Malaysia
Tarikh : 26 Ogos 2016

LOGISTICS

## Calls to upgrade FT 181 route

PRIORITISING SAFETY: RM400 million needed to construct motorcycle lane and RM18 million for street lighting



Datuk Seri Fadillah Yusof

Surat Khabar : New Straits Time
Tarikh : 21 September 2016

## SIDANG REDAKSI

**Penaung**
YBhg. Dato' Sri Zohari Haji Akob
[ Ketua Setiausaha KKR]

**Penasihat**
YBhg Datuk Sarani Bin Dollah
[ Timbalan Ketua Setiausaha
( Pengurusan) KKR]

**Ketua Pengarang**
Pn Noreha Mohd Ripin
[ Ketua Komunikasi Korporat ]

**Pengarang**
Haji Shahnon Mohamad
Fauzi Baharudin
Nur Saila Kamaruddin Nor Zaman
Sagaya Carelene A/P Gomas
Muhammad Faisal Muhammad Zamzuri

**Jurufoto**
En Rosdin Sabni
Cik Hidayatul Sa'adiah Binti Saad
[ Jurufoto Unit Komunikasi
Korporat dan Unit Perpustakaan &
Sumber Jabatan Kerja Raya]

**Urusetia**
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya

**Rekabentuk / Pencetak**
OMR PRESS SDN BHD
Tel : 03 8024 6396

pro@kkr.gov.my www.kkr.gov.my KKR_MALAYSIA

03 8000 8000 Kementerian Kerja Raya Malaysia @MOWorks Kementerian Kerja Raya Malaysia